

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A.

SOALAN A1

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

CIKGU SITI telah sepuluh tahun menjadi guru. Dalam jangka waktu itu, ia mengalami berbagai kenangan pahit dan manis. Kebanyakan menarik dan melucukan. Tetapi satu kenangan yang masih segar di fikirannya ialah kisah seorang budak bernama Amirul.

Hari itu ialah hari pertama Cikgu Siti mengajar di Darjah 3. Pada hari itu juga sudah genap tiga tahun Cikgu Siti menjadi guru. Dia pun berkenal-kenalan dengan murid-muridnya. Tiba giliran seorang budak lelaki yang duduk di barisan ketiga dari pintu, hati Cikgu Siti begitu terharu melihatnya, dia tidak banyak bercakap ketika ditanya. Selesai memperkenalkan namanya dia terus duduk. Kerana hari itu hari pertama, selesai berkenal-kenalan Cikgu Siti hanya membiarkan murid-muridnya membuat kerja masing-masing.

Amirul menjadi perhatiannya kerana dia tidak selinch murid-muridnya yang lain. Amirul ke sekolah dengan pakaian yang lusuh dan tidak kemas. Badannya kurus, rambutnya tidak terurus dan matanya yang bulat hitam itu kelihatan kuyu. Setiap langkahnya longlai seakan tidak bermaya. Pada perhatian Cikgu Siti dia sering diasingkan oleh kawan-kawannya.

Dipetik daripada:
Kisah dan Teladan
Antologi Cerpen Sese kali Angin Bertiup
(kira-kira 148 patah perkataan)

1. Berapa lamakah Cikgu Siti sudah bertugas sebagai seorang guru?

2. Nyatakan kenangan yang masih segar di fikiran Cikgu Siti.

3. Mengapakah hati Cikgu Siti terharu?

4. Jelaskan perwatakan Amirul seperti dalam petikan ini?

5. Pada pendapat kamu, apakah yang menyebabkan Amirul sering diasingkan oleh kawan-kawan sekelasnya?

[10 markah]